



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

PEMANTAUAN PREMIS KREDIT KOMUNITI SIRI 1/2022



Pada 24 Januari 2022 – Sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKK), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diketuai oleh ACP Mohd Fauzi bin Hassan telah membuat pemeriksaan ke atas 3 buah premis Syarikat Kredit Komuniti Berlesen di sekitar Selangor. Statistik pemantauan premis Syarikat Kredit Komuniti tahun 2021 berjaya mencapai KPI yang ditetapkan malah melebihi sasaran iaitu sebanyak 767 jumlah pemantauan dilaksanakan bagi tahun 2021. Negeri Sembilan mencatat jumlah pelaksanaan pemantauan tertinggi iaitu 198 operasi diikuti negeri Selangor dengan jumlah 162 operasi.

Terdapat 4,870 jumlah premis Syarikat Kredit Komuniti yang berdaftar di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,301 bilangan lesen Pemberi Pinjam Wang (KK) dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, manakala 1,569 lesen Pemberi Pinjam Wang (KK) bagi negeri Sabah, Sarawak dan W.P Labuan masing-masing dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Jabatan Ketua Menteri Sarawak / Pejabat Residen dan Perbadanan Labuan.

Selangor mencatat jumlah premis Syarikat Kredit Komuniti yang paling tinggi dengan 962 lesen dikeluarkan diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 646 buah premis tersebut. Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah 335 aduan telah diterima oleh pihak BKK dengan jumlah aduan tertinggi iaitu 189 aduan tentang kesalahan di bawah Peraturan 16(1) Peraturan-peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 iaitu tidak/lewat menghantar rekod transaksi tahunan. Manakala jumlah aduan kedua tertinggi yang diterima melibatkan 49 aduan berkaitan kesalahan dibawah Seksyen 16 (1) Akta PPW 1951 iaitu tiada dokumen perjanjian pinjaman diserahkan (Jadual J atau Jadual K) / dokumen perjanjian lewat stamping.

Daripada jumlah aduan yang dikenalpasti, pihak BKK telah mengambil tindakan dengan membuka sebanyak 306 kertas siasatan ke atas aduan yang diterima. Hasil siasatan yang dibuat sebanyak 172 kes masih dalam siasatan, manakala 122 kes telah di kompaun dan 12 kes telah di tuduh atas pelbagai kesalahan.



Pemantauan premis ini bertujuan untuk :

i) memantau setiap premis Syarikat Kredit Komuniti serta mengawal selia aktiviti perniagaan mematuhi Akta 400 dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

ii) mengubah persepsi masyarakat bahawa Syarikat Kredit Komuniti (KK) Berlesen dibawah KPKT adalah selamat sekaligus dapat mengikis pandangan dan persepsi buruk orang awam yang sering mengaitkan Syarikat Kredit Komuniti Berlesen ini dengan pelbagai label negatif seperti ah long, lintah darat, terlibat dengan aktiviti kongsi gelap, sindiket gelap dan sebagainya.

iii) Pemeriksaan dibuat bagi memastikan pengoperasian Syarikat Kredit Komuniti mematuhi Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (APPW) [Akta 400] dan peraturan-peraturan berkaitan serta akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika terdapat kesalahan atau ketidakpatuhan Akta 400.

iv) Dalam operasi siri 1/2022 ini, Poster Pinjaman Kredit Komuniti juga ditampal di bahagian hadapan premis Syarikat Kredit Komuniti sebagai salah satu inisiatif bagi mewujudkan kesedaran dan penerangan kepada orang ramai mengenai hak sebagai peminjam.

Orang awam boleh menggunakan aplikasi mobil i-KrediKom dengan memuat naik aplikasi tersebut dalam peranti mudah alih bagi membuat carian syarikat Kredit Komuniti yang berlesen di Semenanjung Malaysia. Aplikasi ini juga memudahkan orang ramai untuk membuat aduan dan memberi penerangan secara informatif mengenai hak sebagai peminjam dan jenis-jenis kesalahan di bawah Akta dan Peraturan Pemberi Pinjam Wang 1951. Untuk maklumat lanjut tentang i-KrediKom, sila layari laman sesawang www.kpkt.gov.my.

